

Malaysia perlu sokongan percepat peralihan tenaga

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia mengalu-alukan sokongan dan kerjasama berterusan negara-negara lain untuk mempercepatkan proses peralihan tenaga supaya negara ini mampu menangani cabaran dan peluang dalam sektor tenaga bersih.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bagi

membolehkan proses tersebut berjalan lancar, Malaysia memerlukan sokongan meluas dari pelbagai pihak terutamanya dalam kerjasama dana hijau, insentif, fasiliti teknologi dan infrastruktur.

“Malaysia optimis bahawa AZEC (Komuniti Pelepasan Karbon Sifar Asia) akan berfungsi sebagai platform jangka panjang yang menggalakkan kerjasama menguntungkan dalam

peralihan tenaga khususnya di rantau ini.

“Malaysia akan terus beralih kepada penyelesaian yang praktikal dalam memacu kemajuan, mengimbangi wawasan iklim, kemampanan dan pertumbuhan ekonomi ketika kami menangani trilema tenaga,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Mesyuarat Pemimpin Asia bagi Komu-

niti Pelepasan Karbon Sifar Asia (Asia Zero Emission Community- AZEC) bersempena Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-Jepun semalam.

Perdana Menteri berkata, Malaysia percaya bahawa proses peralihan tenaga harus dilaksanakan dengan adil, inklusif dan saksama.

“Di masa hadapan ia merangkumi kerjasama progresif dan model kolaborasi,” katanya.